

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini serta terma and syaratnya sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Pembiayaan Tunai-i**. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda memerlukan penerangan lanjut berkenaan butiran di dalam dokumen ini atau terma umum.



### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah pembiayaan peribadi Islam tanpa cagaran yang ditawarkan kepada individu. Kadar keuntungan dikira berdasarkan kadar tetap.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Murabahah Komoditi melalui penyusunan Tawarruq, di mana pelanggan membeli komoditi daripada Yayasan Ihsan Rakyat (No. Pendaftaran: 1003231-A) ("YIR") secara bayaran tertangguh (ansuran) dan YIR dilantik untuk menjual komoditi tersebut bagi pihak pelanggan kepada pihak ketiga atas dasar bayaran serta merta. Aset di dalam kontrak jualan dan belian merupakan komoditi yang mematuhi terma-terma Syariah. Hasil jualan komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan semasa process pembayaran.

### 3. Apakah maksud akad?

Akad adalah tawaran yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dalam proses urusniaga terhadap pembiayaan peribadi. Pelanggan perlu memahami soalan dan/atau pengesahan yang dikemukakan semasa proses akad dan memberikan butiran yang sewajarnya. Semua perbualan semasa akad akan dirakam.

### 4. Apakah ciri- ciri produk?

Anda harus memastikan pembiayaan tertakluk kepada lingkungan seperti di bawah.

- Jumlah Pembiayaan Minimum : RM3,000 (Sem. Malaysia)  
RM2,500 (Sabah, Sarawak)
- Jumlah Pembiayaan Maksimum : RM150,000
- Tempoh Pembiayaan Minimum : 1 tahun (12 bulan)
- Tempoh Pembiayaan Maksimum: 10 tahun (120 bulan)

### 5. Apakah cara pembayaran ansuran bulanan saya?

Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan (pada hari pertama setiap bulan). Pembayaran ansuran bulanan adalah melalui potongan gaji bulanan. Pembayaran ansuran bulanan akan dibuat melalui kemudahan *Direct Debit* atau arahan tetap sekiranya skim potongan gaji bulanan tidak dapat diaktifkan dan/atau diberhentikan. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk memberi notis bertulis kepada YIR sekiranya terdapat perubahan pada akaun kemasukan gaji bulanan / akaun yang dinyatakan dalam Borang Kebenaran *Direct Debit* serta mengemaskini butiran akaun dengan YIR dan menandatangani Borang Kebenaran *Direct Debit* yang baru.

### 6. Adakah yuran guaman dikenakan ke atas permohonan saya?

Tiada yuran guaman dikenakan ke atas permohonan.

### 7. Adakah liputan perlindungan Takaful?

Tiada liputan perlindungan Takaful.

### 8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.

### 9. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuh ke atas pembiayaan sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal sepenuhnya boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum tempoh matang. YIR akan mempertimbangkan pemberian rebat (Ibra') setelah mengambil kira caj atau yuran prabayar berhubung dengan peruntukan dan penyediaan

kemudahan ini (jika berkenaan) atau kos lain yang ditanggung oleh YIR akibat penyelesaian awal pembiayaan.

### 10. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya?

Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:

- a. Semasa Tempoh Pembiayaan  
Caj bayaran lewat sebanyak 1.5% sebulan akan dikenakan ke atas bayaran ansuran tertunggak.
- b. Selepas Tempoh Matang Pembiayaan  
Caj bayaran lewat sebanyak 1.5% sebulan akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak Harga Belian Komoditi sehingga pembayaran penuh Harga Jualan.
- c. Kemungkiran  
Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) lebih daripada satu (1) bulan ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.
- d. YIR berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi.

### 11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

### 12. Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?

- a. Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi pembayaran anda, sila hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

- b. Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

### 13. Dari manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda perlukan penerangan lanjut tentang produk-produk kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

Laman web : www.yir.com.my